

Persidangan Lautan PBB medan pulihkan kesihatan laut

Usaha untuk memulihkan kesihatan laut yang membekalkan kita oksigen, makanan serta menjadi mata pencarian ada di luar sana dan semalam (25 Jun) ia menjadi tumpuan Persidangan Lautan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kedua di Lisbon, Portugal.

Berbilion manusia, haiwan dan tumbuhan bergantung hidup kepada laut yang sihat, namun peningkatan pelepasan karbon menjadikannya lebih berasid, melemahkan keupayaannya untuk menyokong kelangsungan kehidupan di bawah air dan di darat.

Sisa plastik juga mengancam perairan kita dan lebih separuh daripada spesies marin dunia mungkin berada di ambang kepupusan menjelang 2100 jika masalah tidak ditangani segera.

Bagaimanapun, bukan semuanya berita buruk, menurut Duta Khas Setiausaha Agung PBB untuk Laut, Peter Thomson, momentum bagi perubahan positif sedang berlaku di seluruh dunia dengan orang ramai, terutama belia, memainkan peranan mereka bagi memulihkan kemerosotan kesihatan laut.

Persidangan Lautan PBB yang akan berlangsung dari 25 Jun hingga 1 Julai ini akan menyediakan peluang kritikal bagi menggerakkan kerjasama dan meningkatkan pelaburan dalam pendekatan yang dipacu sains bagi menyelamatkan lautan.

Menurut Thomson, apabila Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 14 (untuk memulihara dan mengurus sumber lautan secara mampan) diwujudkan pada 2015, bersama-sama 17 SDG lain, ia tidak mempunyai badan sendiri.

Tidak seperti SDG kesihatan yang mempunyai Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) atau bagi pertanian, yang mempunyai Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) dan sebagainya, tiada pertubuhan khusus bagi lautan.

Justeru, penyokong SDG 14, terutama kepula-

hatan baik untuk mereka, dalam dunia yang dua hingga tiga darjah lebih panas, akibat perubahan iklim global.

Sehubungan itu, negara membangun, pulau kecil seperti Fiji, berada di barisan hadapan perjuangan mengubah corak penggunaan dan pengeluaran supaya tahap pemanasan global dapat dikekang.

Buat masa sekarang, pakar berpendapat tahap tertinggi kenaikan suhu yang boleh diterima ialah hanya sebanyak 1.5 darjah Celsius atau slo-gannya '1.5 untuk terus hidup', namun sasaran sekecil itu pun dikatakan terlalu tinggi untuk di capai.

Bagaimanapun, Thomson memberi amaran bahawa apa yang perlu dilakukan itu bukan hanya sekadar soal kelangsungan hidup sekarang, tetapi sebaliknya demi masa depan anak cucu dan budaya yang sudah wujud selama beribu tahun di

“Ini adalah proses bagi memastikan SDG 14 itu jujur dan kejujuran itu sudah tentu amat penting kerana seperti kata pepatah, tidak ada planet yang sihat tanpa lautan yang sihat”

lokasi yang terancam.

“Saya juga memikirkan mengenai sasaran seperti SDG 14.6 iaitu menghapuskan dunia subsidi perikanan yang berbahaya.

“Subsidi membawa kepada penangkapan ikan secara berlebihan, tangkapan haram dan sebagainya.

“Ini adalah tindakan yang sangat boleh dilakukan dan masa untuk melakukannya adalah pada persidangan Menteri Pertubuhan Perdagangan Dunia pada Jun tahun ini,” katanya.

Jelas beliau, bahan cemar seperti mikroplastik sudah terbukti kembali mengancam manusia melalui ikan yang dimakan kerana bahan itu tidak boleh dicerna badan.

Katanya, kitaran pencemaran mikroplastik yang bermula daripada manusia mencemari hidupan laut dan kemudian, secara sedar atau tidak, kembali meracuni manusia yang memakan hasil laut.

Justeru, tegas Thomson, hasil kegiatan manusia berkaitan dengan industri, pertanian dan bahan kimia yang mengalir ke longkang menuju ke sungai sebelum memasuki lagun meracuni membuktikan manusia bertanggungjawab secara langsung terhadap kesihatan ekosistem marin.

Sehubungan itu, Persidangan Lautan di Lisbon kali ini diharap dapat menjana idea baharu, tindakan di luar proses formal dan keterujaan meneroka teknologi serta inovasi baharu, pada pelbagai acara sampingan yang dirancang.

Persidangan lautan pertama pada 2017 menjadi ejen perubahan dari segi menyedarkan dunia mengenai masalah laut.

Persidangan di Lisbon pada Jun ini diharap bakal menyediakan penyelesaian kepada masalah yang sudah lama dan berulang kali diingatkan kepada dunia.

AGENSI

uan kecil, negara membangun dan beberapa negara pantai serta sekutu lain, menegaskan beberapa jenis disiplin diperlukan untuk memastikan pelaksanaan SDG 14 berada di landasan yang betul atau setidaknya-tidaknya tahu cara bagaimana untuk membawanya ke landasan yang betul.

Begitulah cara bagaimana Persidangan Lautan PBB pertama diadakan pada 2017 yang dimandatkan Perhimpunan Agung PBB (UNGA) dan kini Persidangan Lautan PBB kedua akan diadakan di Lisbon tahun ini.


“Ini adalah proses bagi memastikan SDG 14 itu jujur dan kejujuran itu sudah tentu amat penting kerana seperti kata pepatah, tidak ada planet yang sihat tanpa lautan yang sihat.

“Terdapat sasaran pada 2020 supaya 10 peratus lautan diliputi dalam kawasan perlindungan marin dan kita hanya mencapai lapan peratus pada 2022, sekali gus memerlukan kita melakukan lebih banyak kerja kerana kawasan perlindungan marin adalah bahagian penting dalam menyelamatkan kesihatan laut.

“Bagi Persidangan Biodiversiti PBB di Kunming, China, tahun ini, terdapat cadangan yang disokong kira-kira 84 negara untuk sasaran ‘30 menjelang 30’ iaitu 30 peratus planet ini dilindungi menjelang 2030 yang sudah tentu membatikan laut,” kata Thomson.

Tambah beliau, dilema yang dihadapi bukan hanya mengenai pulau kecil yang sedang membangun, sebaliknya penduduk di delta sungai, seperti Bangladesh atau Mekong, selain penduduk bandar yang dibina di atas asas mendapan tanah yang rendah.

Katanya, keselamatan masa depan tidak keli-



Pekerja membersihkan tumpahan minyak di pantai Mae Ram Phueng di Thailand.

(Foto AFP)